

04/11/1998

Industri komputer diunjur catat pertumbuhan 5 peratus

INDUSTRI komputer tempatan sedang di ambang peralihan daripada penguncupan pertumbuhan perolehan sebanyak 10 hingga 11 peratus tahun ini kepada pertumbuhan positif berjumlah kira-kira 3.0 hingga 5.0 peratus tahun depan, terutamanya dengan rangsangan dalam Belanjawan 1999.

Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Shaifubahrim Saleh, berkata Pikom sudah menyemak dan menaikkan unjuran pertumbuhan perolehan bagi tahun depan daripada satu peratus sebelumnya kepada tiga hingga lima peratus selepas mengambil kira Belanjawan 1999.

"Jumlah dagangan industri ini bagi tahun 1997 ialah kira-kira RM4.8 bilion," katanya dalam majlis taklimat media CEO2CEO anjuran Pikom mengenai Y2K di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru mengandungi peruntukan berjumlah RM210 juta bagi pembangunan teknologi maklumat (IT).

Daripada jumlah terbabit, RM110 juta untuk pembangunan aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) iaitu teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan kad serba guna. Baki RM100 juta akan digunakan untuk menangani masalah Y2K.

Menyentuh mengenai peruntukan bagi Y2K itu, Shaifubahrim berkata, peruntukan RM100 juta daripada kerajaan itu berupaya membantu dalam mengatasi masalah itu walaupun masih tidak lagi mencukupi.

Beliau berharap kerajaan akan bersikap terbuka dan memperuntukkan lebih banyak jika diperlukan kerana jika jabatan kerajaan yang penting melalui analisis kesan, dapat menentukan peruntukan yang akan mereka perlukan.

Menurutnya, Pikom menganggarkan perbelanjaan bagi Y2K akan memuncak tahun depan dan jumlah yang diperlukan sekurang-kurangnya RM1 bilion.

"Dengan bermulanya semua projek utama IT, lebih banyak projek Y2K dijalankan dan akan ada lebih banyak syarikat IT tempatan mengeksport keluaran mereka disebabkan faedah cukai berganda yang terkandung dalam Belanjawan, dan ini akan merangsang pertumbuhan industri IT tempatan," katanya.

(END)